



24 APR, 2025

Teroka pelaburan luar

Sinar Harian, Malaysia



Teroka pelaburan luar

Potensi syarikat besar Malaysia bawa kepakaran untuk negara

ISTANBUL

Syarikat besar Malaysia disarankan terus meneroka peluang pelaburan di luar negara yang bukan sahaja dapat meningkatkan jalinan kerjasama dalam konteks perniagaan tetapi mampu memperluas perkongsian teknologi dan kepakaran.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Fadillah Yusof berkata, perkongsian pengalaman dan kepakaran yang diperoleh menerusi kerjasama dengan negara luar amat bermanfaat untuk Malaysia.

Mengambil contoh pelaburan Tenaga Nasional Bhd (TNB) dalam Gama Energi AS, sebuah syarikat tenaga di Turkiye, Fadillah berkata, ia menunjukkan bagaimana dua negara dapat meningkatkan jalinan kerjasama dalam konteks perniagaan.

"Walaupun TNB bukan pemegang saham majoriti tetapi mereka terlibat dalam pengurusan serta pengembangan pelaburan TNB di peringkat antarabangsa.



Fadillah (tengah) ketika melawat Gama Energi AS sebuah syarikat tenaga di Turkiye yang memiliki aset dalam penjanaan elektrik dan perkhidmatan air.

"Kita galakkan lebih banyak lagi syarikat meneroka (pelaburan di luar negara) dan wajib mencari rakan kongsi yang boleh memanjangkan pengalaman, pengetahuan dan teknikal serta teknologi mereka ke Malaysia selain tenaga dan air yang menjadi tumpuan kita," katanya.

Terdahulu, Fadillah yang dalam lawatan kerja rasmi selama dua hari ke Turkiye bermula Selasa melawat Gama Energi AS di Ankara.

Beliau yang juga Menteri Peralihan Tenaga dan Transformasi Air berkata, beliau melawat Karpowership, pengendali loji jana kuasa terapung Turkiye di sini yang berminat melabur di Malaysia dan

berkongsi kepakaran termasuk penjanaan tenaga terutama di Sabah.

"Karpowership merupakan kapal yang menjadi penjanaan tenaga. Maksudnya, ia mudah alih, boleh pergi ke mana-mana untuk membekalkan tenaga menggunakan gas, gas petroleum cecair (LPG) dan sebagainya," katanya.

Selepas mengakhiri lawatan kerja rasmi di Turkiye pada Rabu, Fadillah akan mengetuai delegasi Malaysia ke Sidang Kemuncak mengenai Masa Depan Keselamatan Tenaga pada 24 hingga 25 April di London anjuran Agensi Tenaga Antarabangsa (IEA) dan kerajaan United Kingdom (UK). - Bernama